

**KAEDAH PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN BAGI
PEMBANTU JURUINJIN LAUT GRED A1/
JURUINJIN LAUT GRED A12**

1. DESKRIPSI TUGAS

Berperanan dan bertanggungjawab untuk membantu pengendalian dan penyelenggaraan jentera, persediaan pelayaran, logistik, penyenggaraan rekod, inventori alat ganti dan keselamatan bot.

2. PROFAIL

Gred	Fungsi
A1 TK1 – TK2	Membantu Juruinjin Laut dalam kerja-kerja pengendalian dan penyelenggaraan jentera, persediaan pelayaran, logistik, penyenggaraan rekod, inventori alat ganti dan keselamatan bot.
A12 TK3	Bertanggungjawab dalam kerja-kerja pengendalian dan penyelenggaraan jentera, persediaan pelayaran, logistik, penyenggaraan rekod, inventori alat ganti dan keselamatan bot. Menyelia dan melatih Pembantu Juruinjin A1.

3. KOMPETENSI

- i. Mempunyai pengurusan diri dan masa yang baik
- ii. Mempunyai pengetahuan asas serta memahami perjalanan sistem jentera bot serta kelengkapannya.
- iii. Mempunyai pengetahuan asas mengenai alat-alat keselamatan dan alat-alat melawan kebakaran di dalam bot serta fungsi-fungsinya.
- iv. Mempunyai pengetahuan asas mengenai tatacara penyelenggaraan jentera bot.
- v. Mempunyai kemahiran asas komunikasi.

Selain daripada kompetensi di atas, tambahan kepada kompetensi bagi **Juruinjin Laut Gred A12** adalah :-

- vi. Mempunyai kemahiran mengenai perjalanan sistem jentera bot serta kelengkapannya.
- vii. Mempunyai pengetahuan mengenai penyelenggaraan jentera bot.
- viii. Mempunyai keupayaan memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada Pembantu Juruinjin Gred A1.

ASPEK YANG DINILAI	KAEDAH PENILAIAN YANG DICADANGKAN
<p>b) Disiplin</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menepati waktu berkerja - Rajin dan Beramanah - Sanggup bertugas luar waktu pejabat - Patuh arahan ketua/penyelia - Melayan rakan sejawat dengan baik - Tidak menyalahgunakan kuasa 	<p>Pemerhatian/ Temuduga</p>
<p>c) Komunikasi</p> <ul style="list-style-type: none"> - Keupayaan berkomunikasi dengan baik - Boleh berbincang dan memberi tunjuk ajar kepada kakitangan bawahan 	<p>Pemerhatian/ Temuduga</p>
<p>d) Mempunyai Ciri-Ciri Penyeliaan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Memberi arahan, bimbingan dan tunjuk ajar - Menyusun jadual bertugas 	<p>Pemerhatian/ Temuduga</p>

KAEDAH PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

1.	<p>Temuduga</p> <p>1.1 Pengetahuan</p> <p>1.2 Kemahiran</p> <p>1.3 Nilai-Nilai Peribadi</p>	<p>30%</p> <p>30%</p> <p>10%</p>
2.	<p>Penilaian</p> <p>2.1 Penilaian Pemerhatian oleh Penyelia</p> <p>2.2 Penilaian Pemerhatian oleh Ketua Bahagian/Unit</p>	<p>15%</p> <p>15%</p>
JUMLAH		100%
KEPUTUSAN MARKAH		
1.	Penilaian Temuduga (70%)	
2.	Penilaian oleh Penyelia (15%)	
3.	Penilaian oleh Ketua Bahagian/Unit (15%)	
JUMLAH		100%